

## **TERMA DAN SYARAT KEMUDAHAN KAD KOMERSIAL UOB**

Dengan menerima dan menyempurnakan Surat Tawaran yang kami keluarkan, anda dengan ini bersetuju dengan terma dan syarat kemudahan Kad Komersial UOB (“Terma dan Syarat”) berikut yang disebut dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Ahli Kad UOB VISA/MASTERCARD yang diberi kepada Ahli Kad bersama-sama dengan Kad.

### **(1) TAKRIFAN DAN TAFSIRAN**

Perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Terma dan Syarat ini mempunyai makna berikut:-

**“Orang Dibenarkan”** – Sesiapa yang anda benarkan (sama ada bersendirian atau bersesama), dan yang kami luluskan, untuk mengendalikan akaun anda, dan untuk bertindak bagi pihak anda apabila memberi arahan, untuk melakukan apa-apa tindakan di bawah perjanjian antara anda dengan kami, atau untuk menggunakan apa-apa kemudahan, produk atau perkhidmatan yang kami sediakan kepada anda.

**“Kad”** – Kad-kad VISA/MASTERCARD KORPORAT, PERNIAGAAN atau PEMBELIAN yang kami keluarkan kepada Ahli Kad di bawah Kemudahan ini.

**“Akaun Kad”** – Akaun yang dibuka dengan dan diselenggarakan oleh kami bagi setiap Kad untuk mendebit nilai segala pembelian barang atau perkhidmatan, pendahuluan tunai dan segala transaksi yang dilaksanakan menggunakan Kad, dan segala fi dan caj yang bersangkutan.

**“Ahli Kad”** – Orang yang anda lantik/namakan menerusi Borang Permohonan Kad Komersial UOB (Ahli Kad) yang kepadanya Kad dikeluarkan dan yang namanya tertera pada Kad.

**“Perjanjian Ahli Kad”** – Terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad UOB VISA/MASTERCARD yang diberikan kepada Ahli Kad bersama-sama dengan Kad.

**“Borang Permohonan Kad Komersial (Ahli Kad)”** – Borang yang anda gunakan untuk melantik/menamakan Ahli Kad dan menetapkan Had Kredit bagi Kad dan untuk disempurnakan oleh orang yang anda benarkan dan Ahli Kad.

**“Borang Permohonan Kad Komersial (Ahli Korporat)”** – Borang permohonan yang anda gunakan untuk memohon Kemudahan yang mesti diisi dan disempurnakan oleh orang-orang yang anda benarkan.

**“Ahli Korporat” “anda”** – Syarikat, tuan punya tunggal, perkongsian, pemilik perniagaan, persatuan, pertubuhan atau apa-apa entiti lain yang diperbadankan dengan sempurna dan sah di sisi undang-undang membuat permohonan kemudahan Kad Komersial UOB melalui Borang Permohonan Kad Komersial UOB (Ahli Korporat) dan menerima Kemudahan dengan jayanya.

**“Had Kredit Korporat”** – Had kredit yang tersebut dalam Surat Tawaran yang kami tetapkan untuk anda di bawah dan untuk maksud Kemudahan.

**“Had Kredit”** – Amaun maksimum (yang anda tetapkan bagi setiap Kad yang dikeluarkan di bawah Kemudahan melalui Borang Permohonan Kad Komersial UOB (Ahli Kad) yang Ahli Kad dibenarkan mempunyai jumlah tunggakan dalam Akaun Kad).

**“ePenyata”** – Penyata elektronik yang tersedia untuk semakan menerusi Perbankan Internet Peribadi UOB Ahli Kad setelah anda mendaftar untuk perkhidmatan ePenyata Kad Kredit.

**“Kemudahan”** – Kemudahan Kad Komersial yang engannya kami beri anda Had Kredit Korporat dan keluarkan, tertakluk kepada kelulusan kami, Kad atas nama Ahli Kad berserta dengan Had Kredit bagi setiap Kad seperti yang anda tetapkan dalam Borang Permohonan Kad Komersial (Ahli Kad).

**“Penyata Kemudahan”** – Penyata Ringkas Akaun Kad Korporat yang akan kami keluarkan kepada anda setiap bulan (jika ada lebih daripada satu Kad dikeluarkan di bawah Kemudahan itu) menunjukkan Jumlah Baki Belum Selesai bagi setiap Kad dan jumlah amaun yang menunggak di bawah Kemudahan itu.

**“Cagaran”** – Cagaran yang dikehendaki sebagai tukaran Kemudahan yang kami sediakan kepada anda.

**“Pihak Cagaran”** – Sesiapa yang mengadakan atau memberi Cagaran.

**“Tarikh Penyata”** – Tarikh Penyata Akaun dan Penyata Kemudahan.

**“Penyata Akaun”** – Salinan penyata dalam bentuk fizikal yang akan kami keluarkan kepada Ahli Kad setiap bulan atau apabila diminta oleh Ahli Kad ataupun ePenyata Bulanan yang tersedia untuk semakan menerusi Perbankan Internet Peribadi UOB Ahli Kad, menunjukkan Jumlah Baki Belum Selesai, dan pembelian barang dan/atau perkhidmatan, pengeluaran tunai, transaksi, fi dan caj yang dikenakan dan apa-apa transaksi lain yang dilaksanakan menggunakan Kad.

**“Jumlah Baki Belum Selesai”** – Jumlah amaun menunggak di bawah setiap Akaun Kad setakat Tarikh Penyata.

**“UOBM”, “kami”** – United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) yang mempunyai pejabat berdaftar di Aras 11, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur dan cawangan-cawangannya di Malaysia.

**“Tempoh Sah”** – jangka masa yang dinyatakan pada Kad.

**(2) PERJANJIAN AHLI KAD UOB**

Anda bersetuju bahawa terma-terma Perjanjian Ahli Kad yang terpakai kepada Ahli Kad akan terpakai (dengan perubahan yang sewajarnya) kepada anda dan bagi maksud perkataan “anda” dalam Perjanjian Ahli Kad hendaklah dibaca dan ditafsirkan seolah-olah perkataan “anda” seperti mana ditakrifkan dalam Terma dan Syarat ini digunakan mengantikan tempatnya.

**(3) PENGELUARAN KAD**

Anda hendaklah menyerahkan Borang Permohonan Kad Komersial (Ahli Kad) yang telah siap diisi dan disempurnakan kepada kami.

- 3.1 Setelah diluluskan, kami akan mengeluarkan Kad kepada Ahli Kad.
- 3.2 Anda mengesahkan bahawa Ahli Kad berumur 21 tahun atau lebih pada tarikh permohonan dan memenuhi syarat pendapatan minimum RM24,000 setahun.
- 3.3 Di bawah Kemudahan ini, Kad Tambahan TIDAK akan dikeluarkan.

**(4) CARIAN, KAD DAN KEMUDAHAN**

- 4.1 Kami boleh, tetapi tidak diwajibkan melakukan carian kebankrapan/penggulungan atau carian berkaitan kredit dengan mana-mana agensi/penyedia rujukan kredit atau agensi pelapor kredit, pangkalan data atau sistem mengenai sesiapa, termasuk anda atau salah seorang pengarah anda, Orang Dibenarkan dan Penyedia Cagaran sebelum dan pada bila-bila masa selepas Kemudahan diberi.
- 4.2 Anda memberi keizinan, dan akan memperoleh keizinan setiap pengarah, Orang Dibenarkan dan Penyedia Cagaran, kepada kami untuk menjalankan carian tersebut ke atas anda dan/atau pengarah, Orang Dibenarkan dan Penyedia Cagaran setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 4.3 Pada setiap masa, Kad tetap menjadi hak milik kami dan hendaklah dikembalikan kepada kami apabila diminta.
- 4.4 Kami mempunyai hak, atas budi bicara mutlak kami, untuk enggan mengeluarkan, mengeluarkan semula, memperbaharui atau menggantikan mana-mana Kad.
- 4.5 Kami juga mempunyai hak, atas budi bicara mutlak kami, pada bila-bila masa, menarik balik atau menamatkan Kemudahan ini dengan memberi notis kepada anda.
- 4.6 Kemudahan dan penggunaan Kad akan tertakluk di bawah Terma dan Syarat ini, terma dan syarat Surat Tawaran, Perjanjian Ahli Kad dan segala keperluan, arahan, peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh kami, Visa International/MasterCard Worldwide, Bank Negara Malaysia dan/atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

**(5) TANGGUNGJAWAB ANDA**

- 5.1 Anda bertanggungjawab terhadap segala transaksi yang dibuat di bawah setiap Akaun Kad, tanpa mengira sama ada transaksi itu dibenarkan oleh Ahli Kad termasuk segala caj, faedah, fi dan komisen sehinggalah dijelaskan sepenuhnya Jumlah Baki Belum Selesai bagi akaun bagi semua Kad yang dikeluarkan di bawah Kemudahan ini dan Kad itu telah dikembalikan setelah sempurna dikerat dua.
- 5.2 Anda bertanggungjawab membayar apa-apa cukai barang dan perkhidmatan atau cukai atau levi lain yang pada tarikh Surat Tawaran atau pada mana-mana tarikh selepas tarikh Surat Tawaran dikehendaki undang-undang (termasuk Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan) supaya dibayar kepada mana-mana badan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas anda, berkenaan dengan apa-apa fi dan caj yang dikenakan atau ditanggung oleh kami berkaitan dengan Kemudahan ini.
- 5.3 Apa-apa cukai barang dan perkhidmatan atau cukai atau levi lain yang kami tanggung berkaitan dengan penggunaan Kemudahan ini dan apa-apa barang atau perkhidmatan lain yang disediakan di bawah Kemudahan ini akan ditanggung oleh dan dikenakan kepada anda dan jika sekiranya kami menjelaskan bayaran bagi pihak anda, maka anda bertanggungjawab membayar balik amaun yang dibayar itu kepada kami.
- 5.4 Anda dan Ahli Kad adalah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan terhadap Jumlah Baki Belum Selesai pada Kad Ahli Kad.

**(6) PEMBAYARAN**

- 6.1 Kami akan menghantar yang berikut melalui pos biasa:
  - (a) Penyata Akaun kepada Ahli Kad; dan/atau
  - (b) Penyata Kemudahan kepada anda.
- 6.2 Pada atau sebelum Tarikh Matang Bayaran, anda hendaklah membayar:-
  - (a) Jumlah baki belum selesai dalam Penyata Kemudahan atau Jumlah Baki Belum Selesai dalam Penyata Akaun bagi semua Kad yang dikeluarkan di bawah Kemudahan ini;
  - (b) Bayaran Minimum Kena Bayar menurut Penyata Kemudahan atau Bayaran Minimum Kena Bayar menurut Penyata Akaun bagi semua Kad yang dikeluarkan di bawah Kemudahan ini.
- 6.3 Anda bertanggungjawab membayar biarpun anda tidak menerima Penyata Kemudahan atas apa-apa jua sebab.
- 6.4 Kami akan mengira Bayaran Minimum Kena Bayar berdasarkan hal-hal berikut:-
  - (a) Jika baki tertunggak dalam Akaun Kad setakat Tarikh Penyata adalah dalam lingkungan Had Kredit, maka Bayaran Minimum Kena Bayar adalah –
    - (i) 5% baki tertunggak; dan
    - (ii) lain-lain bayaran minimum belum bayar daripada Penyata Akaun terdahulu, tertakluk kepada minimum RM50.
  - (b) Jika baki tertunggak dalam Akaun Kad setakat Tarikh Penyata adalah melebihi Had Kredit, maka Bayaran Minimum Kena Bayar adalah –
    - (i) keseluruhan amaun melebihi Had Kredit;
    - (ii) 5% baki tertunggak; dan
    - (iii) lain-lain bayaran minimum belum bayar daripada Penyata Akaun terdahulu.
- 6.5 Penerimaan bayaran lewat atau bayaran sebahagian oleh kami yang menandakan pembayaran penuh tidaklah mempunyai apa-apa kesan untuk menghalang kami daripada menguatkuasakan mana-mana hak kami di bawah Terma dan Syarat ini atau mempunyai kesan sebagai persetujuan kami terhadap ubahsuai Terma dan Syarat ini.

**(7) FI & CAJ**

Anda bersetuju membayar dan memberitahu kami mendebit daripada Akaun Kad masing-masing pada bila-bila masa tanpa memberitahu anda terlebih dahulu, segala fi, caj, faedah, cukai, duti atau levi yang dikenakan bersabit dengan pengeluaran dan penggunaan Kad, semua caj kewangan dan caj lewat berkenaan, yuran tahunan, fi perkhidmatan serta fi dan caj lain seperti dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad dan segala kos, caj dan belanja undang-undang yang mungkin dikenakan untuk menguatkuasakan atau berusaha untuk menguatkuasakan Terma dan Syarat ini, atau untuk mendapatkan dan berusaha mendapatkan pembayaran bagi kesemua atau sebahagian wang yang anda berhutang.

**(8) MENETAPKAN HAD KREDIT BAGI AHLI KAD**

- 8.1 Selepas Kemudahan diluluskan, kami melalui Surat Tawaran akan menyediakan Had Kredit Korporat untuk anda.
- 8.2 Anda melalui Borang Permohonan Kad Komersial (Ahli Kad) menetapkan Had Kredit bagi setiap Kad yang dikeluarkan kepada Ahli Kad, jumlahnya tidak boleh melebihi Had Kredit Korporat yang disediakan untuk anda.
- 8.3 Tanpa mengesampingkan Fasal 8.2, penetapan Had Kredit adalah tertakluk kepada kelulusan kami.
- 8.4 Tanpa menjelaskan Fasal 8.1, anda boleh memohon untuk menambahkan, mengurangkan atau mengubah Had Kredit bagi Kad yang dikeluarkan di bawah Kemudahan ini pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan cara sama ada mengemukakan salah satu yang berikut kepada kami:-
  - (a) Permintaan bertulis yang dikeluarkan oleh Orang Dibenarkan; atau
  - (b) Borang pelbagai permintaan yang telah diisi dan disempurnakan oleh Orang Dibenarkan .
  - (c) Kami mempunyai hak untuk melakukan penaksiran dan penilaian kredit bebas di pihak kami dan mengurangkan atau mengubah Had Kredit Korporat yang disediakan untuk anda atau Had Kredit bagi Kad, tanpa menyatakan sebarang sebab.
  - (d) Kami tidak berkewajipan atau bertanggungjawab terhadap anda untuk memastikan bahawa Had Kredit atau Had Kredit Korporat tidak dilebihi dan anda hendaklah dengan segera melunaskan segala amaun yang melebihi Had Kredit Korporat atau Had Kredit sesuatu Kad setelah menerima Penyata Akaun, Penyata Kemudahan atau apa-apa notis, surat atau dokumen seperti yang kami fikir sesuai.

**(9) KESAHAN KAD**

- 9.1 Kad adalah sah mengikut Tempoh Sah melainkan Kad dibatalkan atau ditamatkan menurut terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad.
- 9.2 Anda dikehendaki segera memberitahu kami melalui surat jika sekiranya anda ingin mernamatkan Kemudahan dan/atau penggunaan Kad yang dikeluarkan di bawah Kemudahan ini.
- 9.3 Menurut peruntukan pemberitahuan yang dinyatakan dalam Fasal 9.2 di atas, anda hendaklah mengembalikan kepada kami, kesemua Kad yang dikeluarkan di bawah Kemudahan ini atau Kad tertentu, setelah sempurna dikerat dua.

**(10) HAK UNTUK GUNA PAKAI BAYARAN**

- 10.1 Jika sesuatu bayaran yang dibuat kepada kami atau didapatkan kembali oleh kami bagi liabiliti anda di bawah Kemudahan ini adalah kurang daripada amaun yang anda terhutang dengan kami, maka kami boleh, menurut budi bicara mutlak kami, menggunakan pakai wang itu untuk menjelaskan faedah, caj, fi dan kos undang-undang yang tertunggak, dan terhadap transaksi menggunakan Kad mengikut kadar dan tertib dan pada umumnya mengikut cara yang kami fikir wajar.
- 10.2 Tanpa mengambil kira Fasal 10.1, kami mempunyai hak untuk menggunakan pakai apa-apa bayaran yang kami terima daripada anda mengikut cara yang kami pilih, atas budi bicara mutlak kami, termasuk meletakkan dan menyimpannya bagi kredit suatu akaun tergantung untuk selama waktu yang kami pilih, tanpa berkewajipan sementara itu untuk menggunakan pakai kesemua atau sebahagian bayaran itu untuk atau terhadap pelepasan apa-apa wang atau liabiliti yang terhutang atau dikenakan kepada anda.
- 10.3 Tanpa mengambil kira bayaran tersebut jika sekiranya berlaku apa-apa prosiding dalam atau seakan-akan sama dengan ketaksolvenan anda, kami boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima apa-apa dividen atau komposisi bagi keseluruhan atau sebahagian wang dan liabiliti tersebut terhadap anda.

**(11) PENAMATAN, PEMBATALAN ATAU PENGGANTUNGAN KEMUDAHAN**

- 11.1 Anda boleh mernamatkan Kemudahan ini dengan cara memberi notis bertulis satu (1) bulan kepada kami.

- 11.2 Kami boleh pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak kami, menarik balik, menamatkan atau menggantung Kemudahan atau penggunaan Kad yang dikeluarkan di bawah Kemudahan ini, tanpa memberi apa-apa notis atau sebab kepada anda apabila terjadi salah satu yang berikut ("Peristiwa Ingkar") –
- (a) anda tidak patuh kepada pembayaran atau kaedah pembayaran apa-apa wang yang perlu dijelaskan di bawah Terma dan Syarat ini;
  - (b) anda tidak patuh kepada pembayaran atau kaedah pembayaran apa-apa wang yang perlu dijelaskan di bawah mana-mana perjanjian lain berkaitan dengan apa-apa kemudahan perbankan/kredit yang kami sediakan kepada anda;
  - (c) anda dan/atau penjamin tidak mematuhi atau menunaikan mana-mana Terma dan Syarat ini atau menurut apa-apa dokumen cagaran atau dokumen lain;
  - (d) anda dan/atau penjamin menjadi bankrap atau tak solven atau membiarkan sesuatu penghakiman terus tidak dipenuhi selama lebih 21 hari;
  - (e) anda dan/atau mana-mana penjamin melakukan tindakan kebankrapan atau tidak dapat melangsangai hutang anda atau hutangnya atau menggantung pembayaran hutang anda atau hutangnya;
  - (f) suatu ketetapan diluluskan, atau jika suatu petisyen dikemukakan terhadap anda atau mana-mana penjamin bagi kebankrapan, penyelesaian, penggulungan atau pembubaran atau bagi pelantikan seorang penyelesai, penerima, pemegang amanah atau pengurus kehakiman;
  - (g) seorang penyelesai, penerima, pemegang amanah, pengurus kehakiman atau seorang pegawai setara dilantik bagi kesemua atau sebahagian besar aset anda atau aset mana-mana penjamin;
  - (h) pelaksanaan atau apa-apa bentuk tindakan mendapat kembali atau penguatkuasaan dilevi atau diambil terhadap mana-mana aset anda atau mana-mana aset mana-mana penjamin;
  - (i) anda berhenti atau mengancam berhenti menjalankan perniagaan anda;
  - (j) anda mengubah atau berniat mengubah corak atau skop perniagaan anda sebagaimana dijalankan sekarang ini;
  - (k) anda memindah milik atau melupuskan atau berniat memindah milik atau melupuskan sebahagian besar aset anda;
  - (l) jika terdapat perubahan, sama ada langsung atau tak langsung, dalam keempunyaan atau kawalan ataupun terdapat perubahan negatif dalam keadaan, pengendalian atau prestasi kewangan perniagaan anda yang kami, atas budi bicara mutlak kami, fikir memberi kesan yang nyata sekali atau besar sekali ke atas perniagaan anda atau keupayaan anda untuk menunaikan kewajipan anda di bawah Kemudahan ini dan / atau mana-mana perjanjian anda dengan kami;
  - (m) anda disenaraihitamkan menurut garis panduan Sistem Maklumat Cek Takh Layan (DCHEQS) atau apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami;
  - (n) suatu pelaksanaan distres, penahanan atau apa-apa prosiding undang-undang dilevi, dikuatkuasakan atau diambil terhadap harta-harta anda dan tidak dilepaskan atau digantung dalam masa 7 hari;
  - (o) apa-apa prosiding litigasi (sama ada sivil atau jenayah), penimbangtaraan atau pentadbiran belum selesai, sedang berjalan atau diancam terhadap anda;
  - (p) penarafan kredit anda seperti yang kami tentukan telah merosot;
  - (q) anda dan/atau mana-mana penjamin anda mengadakan atau mencuba membuat apa-apa komposisi atau perkiraan dengan atau untuk manfaat pemutang anda atau pemutang mereka;
  - (r) anda melakukan atau mengancam melakukan keingkaran atau kemungkiran mana-mana perjanjian, waad, ketetapan, terma atau syarat yang dilaksanakan antara anda dengan kami, di pihak anda untuk diturut dan ditunaikan;
  - (s) pada bila-bila masa selepas anda menerima Kemudahan ini, undang-undang dan peraturan yang mentadbir urusan kami menjadikannya salah di sisi undang, haram atau mustahil untuk kami berikan atau terus berikan Kemudahan ini kepada anda atau untuk penuhi kewajipan kami di bawah Terma dan Syarat atau untuk kami kuatkuasakan mana-mana hak kami di bawah Terma dan Syarat ini, apa-apa dokumen cagaran atau apa-apa perjanjian lain berkaitan dengan mana-mana kemudahan perbankan/kredit yang kami berikan kepada anda;
  - (t) penyiasatan oleh pihak polis atau pengawalselia menunggu keputusan, sedang berjalan atau diancam terhadap anda;
  - (u) kami, atas budi bicara mutlak, memutuskan bahawa kedudukan kewangan anda telah menjadi tidak stabil, ataupun anda tidak mampu memenuhi Terma dan Syarat ini; dan
  - (v) kami, atas budi bicara mutlak, memutuskan bahawa apa-apa perubahan keadaan pasaran akan menyebabkan penerusan Kemudahan ini dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada anda menjadi tidak praktikal atau tidak mungkin buat sementara atau selama-lamanya dipandang dari segi komersial;
  - (w) kami mengesyaki atau mempunyai sebab untuk percaya bahawa Kemudahan ini dan/atau Kad atau mana-mana bahagiannya digunakan untuk aktiviti menyalahi undang-undang; atau
  - (x) anda atau mana-mana Pihak Cagaran telah dituduh atau disabitkan atas mana-mana kesalahan jenayah atau mempunyai rekod jenayah;

- (y) terdapat aduan dibuat terhadap anda atau mana-mana Pihak Cagaran di bawah Akta Anti-Pengubahan Wang dan Pembiayaan Anti-Pengganas 2001;
  - (z) kami memutuskan, atas budi bicara mutlak, bahawa penerusan Kemudahan ini berkemungkinan akan memudarangkan kedudukan kami sendiri atau kedudukan cagaran kami mungkin berada dalam bahaya; budi bicara kami ini adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan.
- 11.3 Tanpa mengira Fasal 11.2, kami boleh, atas budi bicara mutlak, menarik balik atau menamatkan Kemudahan ini dengan memberi notis kepada anda.
- 11.4 Setelah Kemudahan ini ditamatkan, kami tidak lagi akan mempunyai apa-apa obligasi terhadap anda dan segala wang berserta dengan apa-apa faedah, fi, cukai, duti dan levi hendaklah anda lunaskan dengan segera apabila kami minta (tetapi tanpa obligasi di sisi undang-undang untuk berbuat demikian), dan kami berhak untuk mendapatkan kembali wang itu berserta faedah pada kadar dan mengikut kaedah yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat tanpa memberi notis awal kepada anda.

**(12) KEISTIMEWAAN DAN MANFAAT SECARA AM**

Pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak, kami boleh meminda, mengubahsuai, menukar, membatas, menambah, menggantung, membatalkan atau menarik balik kesemua atau mana-mana kemudahan, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang diberi kepada anda dan/atau Ahli Kad dengan memberi notis awal

**(13) HAK TOLAK SELESAI DAN PENYATUAN**

- 13.1 Selain sebarang hak umum untuk tolak selesai di bawah undang-undang atau mana-mana perjanjian lain, anda bersetuju bahawa kami boleh, atas budi bicara mutlak, menggabungkan atau menyatukan baki tertinggak di bawah Kemudahan ini dengan semua atau mana-mana akaun anda yang sedia ada dengan kami, sama ada secara perseorangan atau bersama dengan mana-mana orang lain. Anda memberi kebenaran kepada kami selepas memberi 7 hari notis kepada anda, untuk tolak selesai atau pindah apa-apa jumlah untuk dikreditkan ke dalam mana-mana akaun anda sebagai penyelesaian apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini.
- 13.2 Dengan pengeluaran notis yang disebut dalam Fasal 13.1 di atas, anda bersetuju bahawa kami mempunyai hak untuk mengetepikan atau menahan apa-apa wang berkedudukan kredit dalam semua atau mana-mana akaun anda yang sedia ada dengan kami, sebelum ditolak selesai dan anda tidak berhak mengeluarkan wang itu, tanpa mendapat izin bertulis daripada kami terlebih dahulu.
- 13.3 Jika penggabungan, tolak selesai atau pindahan melibatkan penukaran antara mata wang, penukaran itu akan dikira mengikut kadar pertukaran lani semasa (ditetapkan oleh kami atas budi bicara mutlak) kerana membeli mata wang yang anda turut bertanggungjawab.

**(14) PERTUKARAN MUNGKIR BAYAR**

Jika anda melanggar mana-mana terma dan syarat dalam mana-mana perjanjian lain dengan kami, sama ada bagi Kemudahan ini atau bagi mana-mana kemudahan perbankan/kredit, kami boleh atas budi bicara mutlak, menamatkan Kemudahan ini dan sesudah itu segala wang yang terhutang genap masa dan kena dibayar segera menurut Fasal 11.4.

**(15) PELANTIKAN EJEN**

- 15.1 Kami boleh, atas budi bicara mutlak dan dengan memberi 7 hari notis awal kepada anda, melantik ejen dan/atau agensi kutip hutang untuk memungut semua dan apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada kami, yang terhutang dan kena dibayar oleh anda di bawah Terma dan Syarat ini.
- 15.2 Anda memberi kuasa dan izin tak boleh batal kepada kami dan/atau pegawai kami mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan anda dan/atau Kemudahan anda kepada mana-mana ejen dan/atau agensi kutip hutang tersebut, untuk tujuan mendapatkan balik semua dan apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada kami, yang terhutang dan kena dibayar oleh anda di bawah Terma dan Syarat ini.

**(16) PENGUBAHAN**

- 16.1 Kami boleh, pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak, mengubah, menambah, menggugurkan atau meminda kadar, fi, caj serta juga Terma dan Syarat ini dengan memberi notis 21 hari kepada anda, sama ada melalui Laman Web UOBM [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my), memaparkan notis di mana-mana cawangan kami dan/atau sisipan penyata dalam Penyata Akaun dan/atau Penyata Kemudahan.
- 16.2 Apa-apa pengubahan yang disebut dalam Fasal 16.1 akan berkuatkuasa pada tarikh yang kami tentukan. Penahanan atau penggunaan Kad selepas tarikh kuatkuasa akan dianggap tanda penerimaan anda terhadap pengubahan tersebut tanpa syarat. Jika anda tidak setuju menerima pengubahan tersebut yang dinyatakan dalam Fasal 16.1 di atas, anda hendaklah menamatkan Kemudahan ini dalam masa 14 hari dari tarikh pemberitahuan pengubahan itu dan peruntukan di bawah Fasal 11.4 akan terpakai.

**(17) PENYAMPAIAN ARAHAN**

- 17.1 Anda membenarkan kami bertindak atas arahan Orang Yang Anda Benarkan yang diberi melalui telefon, teleks, penghantaran faks, mel elektronik atau cara-cara lain arahan telekomunikasi yang kami secara jujur percaya disampaikan oleh anda.
- 17.2 Kami berhak untuk bergantung dan bertindak atas apa-apa arahan yang diberi seperti mana disebut dalam Fasal 17.1 di atas dan sama sekali tidak akan bertanggungjawab terhadap anda kerana bertindak secara jujur atas apa-apa arahan tersebut meskipun kemudiannya terbukti arahan itu tidak dikeluarkan oleh anda, atau atas apa jua salah faham atau apa-apa ralat, kehilangan atau kelewatian akibat menggunakan perkhidmatan pos, mesin teleks atau teletapi, peranti kabel, peranti penghantaran faks atau peranti komputer. Anda adalah berhak untuk bergantung kepada dan bertindak atas apa-apa arahan yang disampaikan seperti tersebut di atas, dan risiko salah faham dan ralat dan risiko arahan diberikan oleh orang tak dibenarkan adalah atas tanggungan sendiri semata-mata. Pihak kami tidaklah bertanggungjawab atas apa-apa kehilangan, liabiliti atau perbelanjaan akibat daripada apa-apa salah faham, ralat atau arahan tanpa kebenaran tersebut.
- 17.3 Anda mengaku janji untuk menanggung rugi kami, dan untuk terus menanggung rugi kami sepenuhnya dan lepas selamat terhadap segala tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, liabiliti, kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan apa jenis pun (termasuk kos undang-undang atas dasar tanggung rugi penuh) berbangkit dalam apa cara pun yang mungkin kami alami atau tanggung disebabkan kami bersetuju untuk bertindak atas arahan tersebut dalam Fasal 17.

**(18) PENDEDAHAN**

- 18.1 Anda bersetuju dan memberi izin bahawa kami (termasuk pegawai, kakitangan, ejen kami atau mana-mana orang lain yang kepadanya kami memberi akses kepada rekod, surat-menjurat atau apa-apa bahan lain berkaitan dengan anda atau Kemudahan anda) boleh mendedahkan, pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak kami, tanpa memberitahu anda, apa-apa maklumat berkaitan dengan anda atau Kemudahan anda, kepada pihak-pihak berikut:-
  - (a) mana-mana satu cawangan kami, agensi, pegawai perwakilan, syarikat gabungan, syarikat bersekutu atau syarikat berkaitan, dan pegawai, penjawat atau ejen masing-masing, sama ada di Malaysia atau tempat lain ("Kumpulan Bank"), untuk mana-mana tujuan yang berikut:-
    - (i). menyediakan perkhidmatan perbankan kepada anda;
    - (ii). melapor;
    - (iii). memadankan data;
    - (iv). menambahbaik dan memperluas lagi penyediaan perkhidmatan lain oleh kami atau mana-mana ahli Kumpulan Bank kepada anda;
    - (v). mencegah penipuan atau jenayah;
    - (vi). menyiasat, mencegah atau sebaliknya berkaitan dengan aktiviti pengubahan wang dan aktiviti jenayah;
    - (vii). mengutip hutang;
    - (viii). sumber atau perkhidmatan luar bagi operasi kami;
    - (ix). pelaksanaan tugas sebagai pegawai kami atau bersabit dengan pengauditan atau pelaksanaan pengurusan risiko;
    - (x). mempermudah fungsi kami atau mana-mana anggota Kumpulan Bank;
    - (xi). mematuhi dasar, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan Bank;
    - (xii). latihan korporat;

- (xiii). apa-apa proses undang-undang yang kami mulakan atau disampaikan kepada kami;
- (b) mana-mana peniaga atau pertubuhan yang menerima Kad, mana-mana bank lain atau institusi kewangan, VISA International Service Association/MASTERCARD International Inc. atau penggantinya, mana-mana anggota VISA International Service Association dan/atau MASTERCARD CARD International Inc. dan/atau mana-mana pihak lain yang berkepentingan untuk mempermudah penggunaan Kad Kredit atau pemprosesan apa-apa transaksi yang terlibat atau penyiasatan apa pun sifatnya yang hendak dijalankan;
- (c) mana-mana orang bagi atau bersabit dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk mendapatkan balik wang terhutang dan kena dibayar oleh anda kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini;
- (d) mana-mana orang, sama ada di Malaysia atau tempat lain, yang menyediakan perkhidmatan elektronik atau perkhidmatan lain kepada kami untuk tujuan membekalkan, mengemaskinikan, menyelenggara dan menaiktaraf perkhidmatan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyiasatan percanggahan, kesilapan atau tuntutan;
- (e) kepada mana-mana orang, sama ada di Malaysia atau tempat lain, yang kami ambil untuk tujuan melaksanakan atau bersabit dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah diserahkan kepada sumber atau khidmat luar;
- (f) pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan penyiasatan bersabit dengan mana-mana kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
- (g) syarikat kad kredit dan institusi kewangan bersabit dengan pertanyaan mengenai kad kredit;
- (h) kepada bank lain, institusi kewangan, biro kredit atau ejen rujukan kredit (hanya untuk maklumat kredit);
- (i) juruaudit, peguam cara dan penasihat profesional kami;
- (j) pencetak alat tulis kami, vendor sistem komputer yang kami gunakan, dan kepada individu yang memasang dan menyelenggaranya dan lain-lain pembekal barang atau perkhidmatan yang kami ambil;
- (k) mana-mana biro kredit yang kami menjadi ahlinya, dan mana-mana anggota lain dan/atau jawatankuasa pematuhan biro kredit tersebut;
- (l) mana-mana agensi penarafan, rakan perikatan perniagaan, insurer atau broker insurans atau pembekal langsung atau tak langsung perlindungan kredit;
- (m) mana-mana peserta sebenar, bakal peserta atau sub-peserta berkaitan dengan salah satu obligasi kami di bawah perjanjian perbankan antara anda dengan kami, atau penerima serah hak, novati atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, kakitangan, ejen atau penasihat) atau salah seorang daripada mereka;
- (n) bagi transaksi yang dilakukan atau diproses dengan atau tanpa kebenaran anda dalam atau menerusi ATM lain-lain bank atau institusi atau terminal kewangan atau bukan kewangan atau lain-lain mesin atau peranti kendalian kad yang kami luluskan, kepada bank, institusi kewangan atau bukan kewangan, pedagang atau lain-lain pihak yang menerima penggunaan kad ATM serta ejen atau kontraktor masing-masing;
- (o) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana ahli Kumpulan Bank;
- (p) mana-mana orang yang kepadanya kami atau mana-mana ahli Kumpulan Bank dibenarkan atau dikehendaki mendedahkan di bawah undang-undang mana-mana negara;
- (q) mana-mana orang lain yang kepadanya pendedahan tersebut menurut anggapan kami adalah untuk menjaga kepentingan kami, atau kepentingan mana-mana ahli Kumpulan Bank (tidak terpakai kepada perikatan strategik untuk tujuan pemasaran dan promosi).
- (r) mana-mana orang yang berniat melunaskan apa-apa wang tertunggak di bawah Kemudahan ini;
- (s) mana-mana orang yang bersangkutan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami di bawah Terma dan Syarat ini dan Surat Tawaran; dan
- (t) mana-mana pengarah anda atau Orang Dibenarkan.

18.2 Fasal 18.1 akan kekal kuatkuasanya selepas Kemudahan ini ditamatkan.

#### **(19) PERINTAH MAHKAMAH**

19.1 Anda bersetuju bahawa anda tidak akan mempertanggungjawabkan kami atas apa-apa kehilangan atau kerosakan bersabit dengan tindak-tanduk kami. Kami boleh bertindak dengan cara yang kami fikir sesuai, tanpa berunding dengan anda terlebih dahulu, jika kami menerima perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh mahkamah mana-mana bidang kuasa. Anda bersetuju bahawa kami tidak boleh dipertanggungjawabkan atas apa-apa kehilangan atau kerosakan bersabit dengan tindakan kami.

19.2 Fasal 19.1 akan kekal kuatkuasanya selepas Kemudahan ini ditamatkan.

**(20) PERLINDUNGAN DATA**

- 20.1 Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi yang kami keluarkan (yang boleh didapati di cawangan-cawangan kami dan juga di laman web kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my)) dan fasal-fasal dalam Terma dan Syarat ini yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi anda. Bagi mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai terangkum dalam Perjanjian ini melalui rujukan.
- 20.2 Anda bersetuju dan memberi keizinan bahawa kami boleh memindahkan Data Peribadi anda di luar Malaysia. Semua Data Peribadi yang dipegang oleh kami dan Kumpulan Bank akan diberi tahap perlindungan yang munasabah daripada sebarang kehilangan, salah guna, ubahsuaihan, akses atau pendedahan tanpa kebenaran atau tak sengaja, pindaan atau penghapusan.
- 20.3 Sekiranya anda memberi Data Peribadi berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk data berkaitan dengan waris kadim dan tanggungan anda (jika anda seorang individu) atau data berkaitan dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin individu dan penyedia cagaran anda (jika anda sebuah perbadanan), bagi tujuan membuka atau mengendalikan Akaun Semasa dengan kami ataupun sebaliknya melanggani produk dan perkhidmatan kami, anda:
- (a) mengesahkan bahawa anda telah mendapatkan keizinan mereka atau jika sebaliknya berhak untuk memberi data ini kepada kami dan untuk kami menggunakan selaras dengan Terma dan Syarat ini;
  - (b) mengaku janji bahawa anda telah memaklumkan kepada pihak ketiga tersebut supaya membaca Notis Privasi di laman web kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my);
  - (c) telah memaklumkan kepada pihak ketiga tersebut:-
    - (i) bahawa kami boleh mengambil atau menentusahkan data peribadi dan kewangan mereka dengan sumber pihak ketiga;
    - (ii) bahawa kami boleh mendedahkan data peribadi mereka kepada kelas-kelas pihak ketiga yang diperihalkan dalam Notis Privasi kami;
  - (d) bersetuju memastikan bahawa data peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
  - (e) bersetuju memberi maklumat kemas kini secara bertulis kepada kami sekiranya ada perubahan material kepada data peribadi dan kewangan tersebut; dan
  - (f) bersetuju bahawa kami berhak menamatkan Terma dan Syarat ini jika keizinan tersebut ditarik balik oleh pihak ketiga tersebut.
- 20.4 Jika anda memberi arahan kepada kami untuk melakukan apa-apa transaksi rentas-sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima bayaran), maka butir-butir berkaitan dengan transaksi rentas-sempadan itu (termasuk data berkaitan dengan yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar negara, di mana data itu boleh diakses oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara bersabit dengan tugas sah mereka (misalnya, pencegahan jenayah). Apabila memberi arahan kepada kami dan/atau ejen kami untuk melakukan apa-apa transaksi rentas-sempadan bagi pihak anda, maka anda bersetuju dengan pendedahan tersebut di atas bagi pihak anda dan lain-lain yang terlibat dalam transaksi rentas-sempadan tersebut.
- 20.5 Selain itu, tetapi tetap tertakluk kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) yang boleh dikenakan kepada Kumpulan Bank (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), anda bersetuju bahawa Kumpulan Bank, dan peniaga serta juga rakan kongsi strategik kami boleh menghubungi anda mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran, yang kami percaya mungkin menarik minat anda atau atau memberi manfaat dari segi kewangan. Walau apa pun, kami hanya akan mendedahkan Data Peribadi anda (tidak termasuk data berkaitan dengan hal-ehwal atau Akaun Semasa anda) kepada peniaga dan rakan kongsi strategik kami jika telah mendapat keizinan nyata daripada anda terlebih dahulu.
- 20.6 Jika anda tidak mahu menerima apa-apa bahan pemasaran langsung daripada Kumpulan Bank, sila tulis kepada 'Personal Financial Services, P.O. Box 13525, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur' (atau apa-apa alamat lain yang akan kami beritahu) untuk menyatakan hasrat anda itu dan kami akan akur kepada arahan bertulis yang terbaru daripada anda.
- 20.7 Anda mengakui bahawa bahan komunikasi tertentu seperti Penyata Akaun dan laman web kami mengandungi maklumat lazim berkenaan dengan produk dan perkhidmatan kami yang jika digugurkan akan menjelaskan penyampaian/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk kami, pengendalian Akaun Semasa dan/atau kemudahan anda dengan kami, dan/atau tanpa melibatkan kos tambahan dikenakan kepada anda.

- 20.8 Anda berhak untuk memohon secara bertulis:
- (a) untuk mendapatkan apa-apa maklumat berkaitan dengan Data Peribadi anda yang kami pegang atau simpan, setelah membayar fi yang ditetapkan;
  - (b) supaya apa-apa maklumat yang dipegang atau disimpan oleh kami dikemaskini, dipinda dan/atau dibetulkan;
  - (c) supaya kami menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda yang kami pegang atau simpan; dan
  - (d) untuk membuat pertanyaan atau aduan berkenaan dengan pemprosesan yang kami buat atas Data Peribadi anda.

Bagi permohonan (a) atau (b), anda boleh memohon kepada kami melalui Borang Permohonan Akses Data (Data Access Request Form) atau Borang Permohonan Pembetulan Data (Data Correction Request Form). Borang-borang ini boleh didapati di cawangan kami serta juga di laman web kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my).

Semua permohonan itu boleh ditujukan kepada mana-mana cawangan kami atau 'Customer Communications Management, UOB Call Centre, P.O. Box 11212, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur'.

Kami mungkin mengenakan fi bagi pemprosesan permohonan untuk akses atau pembetulan. Kami juga boleh menolak untuk memenuhi permohonan anda bagi (a) atau (b) di atas jika maklumat yang anda berikan itu tidak memadai (menurut penentuan kami) atau jika permohonan tersebut mungkin melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan atau atas apa-apa sebab lain yang kami anggap akan menjelaskan kepentingan kami. Jika kami menolak permohonan tersebut, kami akan memberitahu anda mengapa kami enggan dan sebabnya.

- 20.9 Anda bertanggungjawab menentukan bahawa maklumat yang anda diberikan itu adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa maklumat tersebut adalah yang terkini.
- 20.10 Sila ambil ingatan bahawa jika anda kemudiannya menarik balik keizinan untuk memproses Data Peribadi anda seperti yang diberi sebelum ini, oleh sebab kami tidak akan dapat memproses dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda berkaitan dengan tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi, maka kami berhak untuk tidak menyediakan atau menghentikan penyediaan apa-apa produk, perkhidmatan, Akaun Semasa dan/atau kemudahan yang dipautkan kepada Data Peribadi tersebut
- 20.11 Kami mempunyai hak untuk meminda fasal ini dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlak kami dan akan memberi anda pemberitahuan bertulis terlebih dahulu dan menyiaran apa-apa pindaan tersebut dalam laman web kami atau meletakkan notis di dewan perbankan atau di lokasi utama dalam cawangan kami atau dengan apa-apa kaedah lain komunikasi yang kami anggap sesuai.
- 20.12 Fasal ini hendaklah tidak menjelaskan apa-apa fasal lain dalam Terma dan Syarat ini yang memperuntukkan pendedahan data.

**(21) TANGGUNG RUGI**

- 21.1 Anda bersetuju untuk menanggung rugi kami daripada segala tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan undang-undang atas dasar tanggung rugi penuh) yang mungkin kami alami atau tanggung dalam menguatkuasakan atau mencuba menguatkuasakan hak-hak kami di bawah Terma dan Syarat ini atau timbul daripada atau bersabit dengan undang-undang atau peraturan percuaihan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, berserta dengan faedah dari tarikh kos dan perbelanjaan itu ditanggung hingga tarikh dibayar penuh pada kadar yang boleh kami, atas budi bicara mutlak, tetapkan dari semasa ke semasa.
- 21.2 Liabiliti anda untuk membayar kos dan perbelanjaan akan kekal berkuatkuasa selepas Kemudahan ini ditamatkan.

**(22) TANGGUNG RUGI BAGI PENGETAHUAN DAN PENGGUNAAN KAD**

Sebagai balasan permohonan anda dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa supaya dikeluarkan Kad kepada Ahli Kad yang anda namakan, anda tidak akan mempertanggungjawabkan kami dan hendaklah menanggung rugi kami dan pada setiap masa menanggung rugi kami daripada sebarang tanggungan terhadap bayaran yang ditanggung oleh Ahli Kad di bawah Kad masing-masing, sebarang kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan (undang-undang atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguam cara dan klien) fi dan caj, yang mungkin kami alami atau tanggung dalam menguatkuasakan atau mencuba menguatkuasakan hak-hak kami di bawah Terma dan Syarat dan Perjanjian Ahli Kad, dalam menguatkuasakan hak-hak kami terhadap anda atau Ahli Kad atau timbul daripada atau bersabit dengan undang-undang atau peraturan percuaian mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

**(23) PENEPIAN TANPA MENJEJAS**

- 23.1 Jika anda melanggar mana-mana terma dan syarat Kemudahan ini, kami atas budi bicara mutlak boleh memutuskan tidak akan menggunakan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedи yang mungkin kami miliki berkaitan dengan pelanggaran yang anda lakukan.
- 23.2 Keputusan kami tidak menggunakan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedи yang mungkin kami miliki berkaitan dengan pelanggaran yang anda lakukan tidak boleh dianggap sebagai penepian hak-hak kami, begitu juga pelaksanaan tunggal atau sebahagian apa-apa hak lain, kuasa, keistimewaan atau remedи. Kami tetap berhak pada bila-bila masa selepas itu untuk tegas menguatkuasakan hak-hak kami berkaitan dengan pelanggaran tersebut atau apa-apa pelanggaran yang anda lakukan sesudah itu.
- 23.3 Hak dan remedи yang diperuntukkan di dalam ini adalah kumulatif tanpa menyisihkan apa-apa hak atau remedи yang diperuntukkan oleh undang-undang.

**(24) PERUBAHAN PERLEMBAGAAN**

Terma dan syarat Perjanjian ini serta terma dan syarat Surat Tawaran akan tetap sah dan mengikat anda biarpun terdapat perubahan dalam perlembagaan anda atau Memorandum dan Undang-undang Tubuh Syarikat disebabkan penyatuan, penggabungan, pembentukan semula, percantuman atau sebaliknya.

**(25) SIJIL KEBERHUTANGAN**

Sijil yang bertandatangan pegawai kami berkenaan dengan wang, yang buat masa ini, anda berhutang dengan kami, akan menjadi keterangan muktamad yang menyabitkan anda bahawa amaun yang tersebut itu adalah hutang anda untuk semua tujuan, termasuk prosiding undang-undang.

**(26) PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN**

Hak dan kelayakan kami di bawah Perjanjian ini akan tetap berkuatkuasa penuh, dan akan terus mempunyai kuatkuasa setelah Kemudahan ini dibatalkan, dimansuhkan, digantung atau ditamatkan.

**(27) NOTIS**

- 27.1 Anda hendaklah segera memberitahu kami akan apa-apa pertukaran alamat, nombor faksimili, alamat mel elektronik atau nombor telefon bimbit anda.
- 27.2 Atas budi bicara mutlak kami boleh menghantar apa-apa maklumat akaun, promosi atau kempen pemasaran, Penyata Kemudahan, surat-menjurut atau notis kepada anda dengan mana-mana cara berikut melalui:-
  - (a) mel elektronik kepada alamat emel anda yang terakhir diketahui berada dalam rekod kami;
  - (b) pos (berdaftar, berdaftar AR, biasa atau sebaliknya) atau diserahkan dengan tangan atau ditinggalkan di alamat anda yang terakhir diketahui berada dalam sistem kami;
  - (c) paparan notis di Cawangan;
  - (d) penyiaran notis atau komunikasi di laman web rasmi kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my);
  - (e) iklan atau notis umum dalam sebuah akhbar harian;
  - (f) siaran radio or televisyen atau apa-apa bentuk komunikasi media;
  - (g) faksimili kepada nombor faksimili anda yang terakhir diketahui berada dalam rekod kami.

- 27.3 Notis atau komunikasi tersebut akan dianggap telah diterima oleh anda pada hari dihantarkan, pada hari selepas disiarkan atau pada hari paparan, penerbitan atau siaran itu dibuat.
- 27.4 Kami tidak akan bertanggungjawab atas apa yang mungkin terjadi kepada notis atau komunikasi selepas dihantar, sebagai contoh, jika apa-apa notis atau komunikasi terlewat, dipintas, hilang, tidak sampai atau terdedah kepada sesiapa semasa dalam perjalanan.
- 27.5 Jika anda tidak memberitahu kami akan pertukaran alamat, anda bersetuju bahawa kami boleh atas budi bicara mutlak, bergantung kepada –  
(a) apa-apa alamat yang dinyatakan dalam borang permohonan atau apa-apa alamat lain seperti yang terdapat dalam sistem kami; atau  
(b) apa-apa alamat yang kami perolehi daripada apa-apa komunikasi yang dikatakan datang daripada anda.
- 27.6 Kegagalan anda memberitahu kami akan pertukaran alamat sehingga menyebabkan Akaun Kemudahan, surat-menyerat dan/atau notis lewat atau tidak dapat dihantar tidak akan menjelaskan hak atau kelayakan kami di bawah Terma dan Syarat ini.

**(28) KEBOLEHASICAN**

Ketaksahan atau ketakbolehlaksanaan mana-mana peruntukan tidak akan menjelaskan niat tersirat Terma dan Syarat ini, dan peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan adalah boleh asing, dan tidak akan menjelaskan kesahan atau kebolehlaksanaan terma dan peruntukan yang lain, yang akan tetap berkuatkuasa penuh

**(29) PERJANJIAN SEDIA WUJUD**

Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad, maka Terma dan Syarat ini akan diutamakan.

**(30) NASIHAT UNDANG-UNDANG**

Anda dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat undang-undang bebas sebelum menerima Kemudahan ini dan sebelum menandatangani Surat Tawaran yang disediakan oleh kami atau peguam cara kami.

**(31) PENYERAHAN HAK**

Kami boleh pada bila-bila masa dan tanpa izin anda menyerahkan kesemua atau mana-mana hak, hak milik dan kepentingan kami di bawah Perjanjian ini kepada mana-mana orang atau badan korporat. Anda tidak boleh menyerah mana-mana hak dan kewajipan anda di bawah Perjanjian ini.

**(32) UNDANG-UNDANG**

Terma dan syarat ini akan tertakluk dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia, dan tanpa boleh mansuh anda:

- tunduk kepada bidang kuasa tak eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia;
- menepikan sebarang bantahan atas alasan tempat, forum, tiada keselesaan atau apa-apa alasan yang serupa; dan
- memberangkan penyampaian proses melalui pos biasa atau dengan apa-apa cara lain yang dibenarkan oleh Terma dan Syarat ini dan/atau undang-undang berkaitan.

**(33) PENYAMPAIAN PROSES UNDANG-UNDANG**

Penyampaian sebarang writ atau saman atau apa-apa proses undang-undang yang lain bersabit dengan sesuatu tuntutan yang timbul daripada atau berkait dengan Terma dan Syarat ini boleh dilaksanakan ke atas anda melalui pos biasa dihantar kepada alamat anda yang terakhir diberitahu kepada kami. Penyampaian tersebut akan dianggap penyampaian yang baik dan memadai kepada anda selepas berlalunya 3 Hari Perniagaan dari tarikh pengiriman, walaupun tidak dapat diserahkan atau dikembalikan.

(34) **PENYIMPANAN DOKUMEN**

Anda bersetuju bahawa kami tidak diwajibkan menyimpan apa-apa rekod akaun anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen cagaran, dokumen transaksi, Penyata Kemudahan, surat-menyerat atau dokumen yang anda atau mana-mana pihak ketiga beri kepada kami, melebihi tempoh penyimpanan sepertimana ditetapkan di bawah dasar dalaman, garis panduan dan tata cara kami dan/atau sepertimana diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan berkenaan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

(35) **PENGGANTI TERIKAT**

Waris, wakil peribadi dan pengganti hak milik anda adalah terikat dengan Terma dan Syarat ini.

Cop Syarikat

---

Tandatangan Pengerusi/ Pengarah  
Nama:

---

Tandatangan Pengarah  
Nama:

---

Tandatangan Pengarah  
Nama:

---

Tandatangan Pengarah  
Nama: